



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

SURAT ARAHAN KETUA PENGARAH BILANGAN 1 TAHUN 2014

GARIS PANDUAN AMALAN ISTIADAT DAN PROTOKOL DALAM MAJLIS RASMI JABATAN

Diedarkan kepada:

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah
Semua Penolong Ketua Pengarah/Pengarah
Semua Pengarah Negeri
Semua Komandan
Semua Pegawai Memerintah
Semua Ketua Zon
Semua Ketua Balai



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire And Rescue Department of Malaysia
LebuWawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon: 603-88927604
Faks: 603-8888 0840
Portal Rasmi: www.bomba.gov.my
Emel: korporat@bomba.gov.my

Ruj. Kami : JBPM/IP/KOR:100-1/9/2 (21)
Tarikh : 24 Januari 2014

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah
Semua Penolong Ketua Pengarah / Pengarah
Semua Pengarah Negeri
Semua Komandan
Semua Pegawai Memerintah
Semua Penguasa Zon
Semua Ketua Balai

SURAT ARAHAN KETUA PENGARAH BILANGAN 1 TAHUN 2014

GARIS PANDUAN AMALAN ISTIADAT DAN PROTOKOL DALAM MAJLIS RASMI JABATAN

1. Pengenalan

- 1.1 Melalui surat bertarikh 25 November 2013, nombor rujukan JBPM/IP/KOR: 100-10/3 (113) yang diedarkan oleh Bahagian Pengurusan Korporat, Ibu Pejabat mengenai Buku Garis Panduan Amalan Istiadat dan Protokol Dalam Majlis Rasmi.

Seiring dengan itu, pematuhan kepada garis panduan tersebut diharapkan dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

2. Tujuan

- 2.1 Garis panduan ini bertujuan memberikan panduan amalan istiadat dan protokol majlis rasmi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk rujukan semua di dalam jabatan sama ada di peringkat ibu pejabat, negeri, zon dan juga balai dalam melaksanakan program dan aktiviti.

3. Objektif Utama

- 3.1 Memberi panduan mengenai amalan istiadat dan tatacara protokol yang perlu diikuti serta dipatuhi semasa melaksanakan majlis.
- 3.2 Memberikan panduan tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh setiap jawatankuasa yang dilantik untuk melaksanakan majlis.
- 3.3 Menambah ilmu dan pengetahuan semua pegawai dalam aspek perancangan, pentadbiran dan pengurusan majlis.
- 3.4 Memupuk kerja secara lebih bersistematik dan bekerjasama di dalam satu kumpulan serta membina sikap positif.

- 3.5 Membina keprihatinan mengenai tugas dan tanggungjawab sebagai ahli jawatankuasa di dalam sesuatu majlis.

4. Pelaksanaan

- 4.1 Diharapkan semua peringkat jabatan dapat memanfaatkan ilmu yang terdapat dalam buku ini untuk rujukan semasa mengendalikan majlis atau program rasmi jabatan supaya pelaksanaan majlis lebih terancang dan sistematik.
- 4.2 Pegawai-pegawai kanan Jabatan juga diminta untuk menyebarkan maklumat serta menggalakkan anggota jabatan mempraktikkan pembudayaan menguruskan dan pengendalian majlis dengan lebih terancang. Secara tidak langsung, ini dapat memberi imej yang baik kepada jabatan.

5. TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Surat Arahan Ketua Pengarah Bil. 1/2014 - Garis Panduan Amalan Istiadat dan Protokol Dalam Majlis Rasmi JBPM ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

6. PERTANYAAN

- 6.1 Sebarang pertanyaan mengenai garis panduan ini boleh dirujuk kepada;


Unit Komunikasi Korporat
Bahagian Pengurusan Korporat
Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Lebuh Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA

No. Tel. : 03-8892 7604

No. Fax. : 03-8888 0840

E-mel : korporat@bomba.gov.my

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' WAN MOHD. NOR BIN HJ. IBRAHIM)

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tarikh : 29 Januari 2014